STREPSILS® SOOTHING HONEY & LEMON

Amylmetacresol/Dichlorophenylcarbinol (0.6mg/1.2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Strepsils Soothing Honey & Lemon
2. Bagaimana Strepsils Soothing Honey & Lemon berfungsi
3. Sebelum menggunakan Strepsils Soothing Honey & Lemon
4. Cara menggunakan Strepsils Soothing Honey & Lemon
5. Semasa menggunakan Strepsils Soothing Honey & Lemon
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Strepsils Soothing Honey & Lemon
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Strepsils Soothing Honey & Lemon

Strepsils Soothing Honey & Lemon digunakan untuk melegakan sakit tekak untuk kanak-kanak dan orang dewasa.

Bagaimana Strepsils Soothing Honey & Lemon berfungsi

Strepsils Extra Strong mengandungi bahan-bahan aktif berikut: amylmetacresol dan dichlorophenylcarbinol. Bahan-bahan aktif ini membantu melegakan sakit tekak dengan mengurangkan kerengsaan dan ketidakselesaan, yang disebabkan oleh jangkitan seperti bakteria atau virus.

Sebelum menggunakan Strepsils Soothing Honey & Lemon

-Bila tidak boleh menggunakan:

Jangan ambil Strepsils Soothing Honey & Lemon:

- Jika anda alah kepada amylmetacresol dan dichlorophenylcarbinol atau bahan-bahan kandungan dalam ubat ini (yang disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

-Sebelum mula menggunakan Strepsils Soothing Honey & Lemon

Hamil dan menyusukan anak

Sekiranya anda hamil, mengesyaki anda hamil atau merancang untuk hamil, sila minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Strepsils Soothing Honey & Lemon

-Berapa banyak harus digunakan

Larutkan satu (1) biji lozenge perlahan-lahan dalam mulut setiap 2 hingga 3 jam. Jangan melebihi dos yang ditetapkan.

-Bila perlu digunakan

Ambil setiap 2 hingga 3 jam atau seperti yang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.

-Berapa lama perlu digunakan

Ubat ini adalah untuk kegunaan jangka pendek sahaja. Anda perlu mengambil dos yang paling rendah untuk masa yang paling singkat yang diperlukan untuk melegakan gejala anda.

Sekiranya gejala berterusan, tidak bertambah baik, atau bertambah buruk, sila berjumpa doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Strepsils Soothing Honey & Lemon

-Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Strepsils Soothing Honey & Lemon.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Strepsils Soothing Honey & Lemon kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mengandungi madu, sukrosa dan glukosa. Pesakit kencing manis harus lebih berhati-hati semasa mengambil ubat ini..

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat lain, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Tiada kesan sampingan yang berbahaya telah dilaporkan. Walau bagaimanapun, kesan ringan seperti cirit-birit, sakit perut, atau sakit lidah selepas menggunakan lozenges boleh berlaku.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Advers* Ubat Kebangsaan melalui laman web n*pra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or*

STREPSILS® SOOTHING HONEY & LEMON

Amylmetacresol/Dichlorophenylcarbinol (0.6mg/1.2mg)

Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Strepsils Soothing Honey & Lemon

-Penyimpanan
Simpan pada suhu bawah 30°C.
Jauhi daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada karton ubat selepas EXP. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan dan tahun.

-Pelupusan
Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda tentang cara melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk
Lozenge bulat kuning dengan rasa madu & lemon.

-Bahan bahan kandungan
-Bahan aktif

- Amylmetacresol
- Dichlorophenylcarbinol

-Bahan tidak aktif:
Quinolone yellow, Peppermint oil, Liquid glucose, Sucrose, Honey, Terpeneless lemon oil, Tartaric acid.

-Nombor MAL
MAL19912608X

Pengilang:
Reckitt Benckiser Healthcare Manufacturing (Thailand) Limited
65 Moo 12, Lardkrabang-Bangplee Road, Bangplee, Samutprakarn 10540
Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk:
RB (Health) Malaysia Sdn Bhd
Level 17, Menara One Sentrum,
No. 201, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP:
25/03/2025

Nombor Siri:
NPRA(R4/1)130325/00024